

27 FEB 2003

MAHATHIR-MATAWANG/I

DR M: PILIHAN GUNA LAIN MATAWANG SELAIN AS\$ BOLEH HALANG MANIPULASI

PUTRAJAYA, 27 Feb (Bernama) -- Dominasi dollar AS di dalam perdagangan global dan transaksi antarabangsa telah memesong ekonomi dunia dan malah ekonomi Amerika Syarikat sendiri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dengan itu, sepatutnya ada pilihan untuk menggunakan sama ada dollar AS, euro, yen atau emas untuk transaksi berkenaan untuk melindungi negara-negara daripada bahaya manipulasi matawang, katanya.

"Apabila anda meletakkan nilai terlalu tinggi kepada sesuatu matawang, ia menjadi terlalu kuat dan matawang itu menjadi masalah kepada kita," katanya kepada sekumpulan 31 wartawan kanan asing yang menemuinya di pejabatnya di sini selepas meliputi sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang baru berakhir.

"Kami menyimpan wang rezab di dalam dollar AS dan itu menjadi keuntungan kepada Amerika Syarikat," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan Amerika untuk menjelaskan seruannya untuk negara-negara menggunakan euro di sebalik bergantung kepada dollar AS di dalam transaksi mereka, Perdana Menteri berkata, dengan menggunakan satu matawang sahaja untuk melakukan perniagaan akan mendedahkan negara-negara berkenaan kepada bahaya manipulasi.

"Ada satu artikel yang menunjukkan bahawa Amerika Syarikat hidup dengan wang pinjaman. Ia sentiasa mempunyai defisit, defisit yang besar tetapi sejak 10 tahun lepas ia masih mengembang pada kadar yang besar," kata Dr Mahathir.

Di dalam tempoh yang sama, Jepun, yang membuat untung yang besar, menjimatkan banyak wang dan mempunyai rezab yang besar tetapi ekonominya dikatakan tidak berapa pulih.

Perkara bertentangan berlaku hanya kerana "kita memberi satu nilai kepada dollar AS yang sebenarnya tidak sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata, dollar AS tidak disokong oleh apa-apa selain kepercayaan orang ramai terhadap matawang itu.

Katanya, ketika nilai dollar AS pada satu masa ketika krisis kewangan naik tinggi berbanding ringgit, Malaysia telah merana dan begitu juga Indonesia.

"Dengan itu adalah jelas jika anda menggunakan satu matawang sahaja untuk perniagaan, anda mendedahkan diri anda kepada bahaya manipulasi. Kami tidak mahu itu berlaku.

"Kami perlu membuat strategi untuk menggunakan matawang lain."

Bagi tujuan perdagangan, Dr Mahathir berkata, minyak tidak semestinya dibebutharga di dalam dollar AS.

"Harga minyak hari ini telah melonjak tetapi nilai dollar AS menurun, yang merupakan satu perkara yang tidak ditonjolkan," katanya.

Menurutnya, harga minyak sebenarnya bukan US\$36 satu tong jika nilai dollar AS sekarang dibandingkan dengan setahun atau tiga tahun lepas.

Jepun, sebagai contoh, perlu membayar US\$36 satu tong walaupun nilai dollar AS masa ini sebenarnya lebih rendah berbanding yen Jepun kerana nilai yen telah meningkat.

"Pergerakan matawang ini, kadangkala disebabkan manipulasi, tidak baik, terutama ketika anda menggunakan satu matawang sebagai sejenis penanda aras," tegas perdana menteri. -- BERNAMA

AZZ FA MFZ SHY AHM